

METAZINE TABLET

Trimetazidine dihydrochloride (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan METAZINE TABLET
2. Bagaimana METAZINE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan METAZINE TABLET
4. Cara menggunakan METAZINE TABLET
5. Semasa menggunakan METAZINE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan METAZINE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan METAZINE TABLET

METAZINE TABLET digunakan pada orang dewasa sebagai terapi tambahan bagi rawatan simptomatik angina pectoris stabil (sakit dada yang disebabkan oleh penyakit jantung) yang tidak dikawal oleh atau tidak bertoleransi terhadap terapi antiangina tahap pertama.

Bagaimana METAZINE TABLET berfungsi

METAZINE TABLET menagduki trimetazidine dimana ia mengembalikan aktiviti bertenaga dan operasi pam ionic di dalam membrane sel ischemic, terutamanya pada jantung. Untuk rawatan angina pectoris, METAZINE TABLET meningkatkan ruang koronari, menghalang tekanan darah naik mendadak dan mengurangkan kekerapan serangan jantung.

Sebelum menggunakan METAZINE TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan METAZINE TABLET jika anda alah terhadap Trimetazidine Hydrochloride atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

- Sebelum menggunakan METAZINE TABLET

Sebelum mengambil METAZINE TABLET, anda perlu beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami:

- Penyakit Parkinson, simptom-simptom Parkinson, ketar, sindrom 'restless leg', dan penyakit pergerakan yang lain.
- Penyakit buah pinggang yang parah (perbersihan creatinine <30ml/min).

Jika anda tidak pasti jika anda mempunyai atau ada salah satu gejala berikut, anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda.

Kehamilan

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung atau mungkin hamil semasa mengambil ubat ini.

Penyusuan

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mulai penyusuan atau mungkin sedang menyusu semasa mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil METAZINE TABLET.

Sebelum menggunakan METAZINE TABLET adalah

penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, yang diperolehi dengan atau tanpa preskripsi doktor.

Trimetazidine boleh dijelaskan sempena dengan:

- Antikoagulan: heparin, calciparine dan antagonis Vitamin K
- Ubat penurun lipid (merendahkan paras kolesterol)
- Aspirin (mengurangkan kesakitan, demam atau keradangan)
- Ubat untuk mengurangkan tekanan darah: beta-blockers, pengambilan penghalang kalsium
- Digitaloids.

Cara menggunakan METAZINE TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.

Dos normal yang disyorkan ialah satu tablet 20mg tiga kali sehari ketika makan.

Untuk kegunaan dengan masalah buah pinggang sederhana (pembersihan creatinine [30-60] ml/min), dos yang disyorkan ialah 1 tablet 20 mg dua kali sehari i.e., sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu petang sewaktu makan.

Untuk kegunaan warga tua, dengan masalah buah pinggang sederhana (pembersihan creatinine [30-60] ml/min), dos yang disyorkan ialah 1 tablet 20 mg dua kali sehari, i.e., sekali

pada waktu pagi dan sekali pada waktu petang sewaktu makan.

- Kekerapan penggunaan
Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dos perlu diambil dua kali sehari, sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu petang sewaktu makan.

- Berapa lama untuk digunakan

Teruskan mengambil METAZINE TABLET seperti yang doktor anda syorkan. Sekiranya keadaan berterusan, sila berjumpa dengan doktor anda.

- Jika anda lupa menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu mengambil ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda sebagai pampasan untuk dos yang tidak diambil.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa anda menggunakan METAZINE TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda

sedang mengambil METAZINE TABLET.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

- Jangan mengambil lebih daripada dos yang dicadangkan kecuali jika disyorkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan METAZINE TABLET kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera operasi sehingga anda tahu bagaimana METAZINE TABLET memberi kesan kepada anda.

Trimetazidine boleh menyebabkan atau memburukkan lagi simptom Parkinson;

- ketar atau gementar
- akinesia (kegagalan pergerakan)
- hipertonia (kegagalan fungsi otak)

Boleh berlaku kejatuhan, disebabkan ketidakstabilan berjalan dan tekanan darah rendah, terutamanya pada mereka yang menjalani rawatan anti-hipersensitif

Langkah berjaga-jaga perlu dipraktikkan ketika mengambil trimetazidine dalam dos yang tinggi dalam kalangan:

- masalah buah pinggang sederhana.
- warga tua melebihi 75 tahun.

Kesan-Kesan sampingan

Seperti semua ubat, METAZINE TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Kesan sistem penghadaman yang jarang berlaku: loya, muntah
- Masalah sistem saraf: simptom Parkinson, ketidakstabilan berjalan, Sindrom 'restless-leg', masalah berkaitan pergerakan yang lain, biasanya boleh diterbalikkan selepas menghentikan rawatan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan METAZINE TABLET

- Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air di rumah. Tanya ahli farmasi anda cara pelupusan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet bulat, bergaris dan bertanda 'DUO 3' pada satu belah, dan 'DUO 4' pada belah satu lagi.

- Bahan Aktif

Bahan aktif:

- Trimetazidine dihydrochloride

Kandungan lain:

- Carmoisine
- Silicone Dioxide
- Magnesium Stearate
- Microcrystalline Cellulose
- Povidone
- Lactose
- Sodium Starch Glycolate

- Nombor MAL
MAL05051063AZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot. 2599, Jalan Seruling
59, Kawasan 3, Taman Klang
Jaya, 41200 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RIMUP

21/07/2025

Nombor Siri

BPFK(R4/1)270315/00051